



BAHAGIAN KOMUNIKASI KORPORAT | KRAFTANGAN MALAYSIA
KOMPLEKS KRAF KUALA LUMPUR | JALAN CONLAY | 50450 KUALA LUMPUR
TEL : 03 - 2162 7459 | FAKS : 03 - 2161 3773 | www.kraftangan.gov.my |   KRAFTANGAN MALAYSIA

SIARAN MEDIA

FESTIVAL KRAF UTARA 2025

KANGAR 24 JULAI 2025- Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (Kraftangan Malaysia) menganjurkan Festival Kraf Utara (FKU) 2025 yang bermula pada 24 Julai hingga 4 Ogos 2025 mulai jam 10.00 pagi sehingga 10.00 malam bertempat di Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis.

Penganjuran festival ini bertujuan bagi menyediakan platform kepada usahawan kraf untuk mempromosi dan mengkomersialkan produk kraf Malaysia kepada masyarakat tempatan dan pelancong serta meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat terhadap produk kraf beridentitikan Malaysia.

FKU 2025 berlangsung selama 12 hari ini melibatkan seramai 70 orang usahawan kraf yang mengetengahkan jualan produk kraf tekstil, hasil rimba, hasil tanah, hasil logam dan aneka kraf. Festival ini turut menjadi platform pertemuan usahawan kraf dengan pembeli dari dalam negara seperti syarikat pengeksport barangan berkaitan kraf, agensi Kerajaan, syarikat perhotelan dan pusat beli belah.

Pelbagai aktiviti menarik disediakan sempena FKU 2025 seperti Padanan Perniagaan, Jualan Produk Kraf, Pameran Produk Kraf Baharu yang beridentitikan Negeri (Negeri Kedah, Langkawi, Perak dan Pulau Pinang), Pameran Institut Kraf Negara, Demonstrasi Masakan (Dangai, Karas dan Putu Perak), Program Pengembangan Ilmu (Aktiviti Interaktif Kraf dan Fun Craft), Aktiviti Galakan Pengunjung iaitu Pertandingan dan Permainan Sukan Rakyat (Congkak, Batu Tujuh, Gusti Lengan, Tuju Tin dan Jalin Gelang Getah), Persembahan Kesenian dan Lawatan Berpandu Berkumpulan.

Selain itu, pengunjung berpeluang menyaksikan aktiviti Demonstrasi Kraf yang merupakan salah satu aktiviti perkongsian pengetahuan kepada pengunjung berkaitan seni kraf tempatan. Antara aktiviti demonstrasi kraf yang diadakan seperti handmade paper jerami padi, anyaman serkap dan bubu, cenderamata miniatur rumah jelapang padi dan lesung kaki, Sulaman kebaya Nyonya dan jahitan kebaya Perlis. Sebarang maklumat lanjut berkaitan program boleh menghubungi Kraftangan Malaysia Cawangan Perlis di talian 04 9855278 **.-TAMAT-**